


Benarkah Melayu merempat?

MINGGUAN MALAYSIA 18/11/2018 M/S 6

CARTA 1: SECEBIS STATUS EKONOMI ORANG MELAYU



■ Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia & ICU ■ Dianalisa oleh Akbar Ali
■ Tarikh: 6 Oktober 2018

Nota: Kebanyakan mereka ini tidak ada jaringan keselamatan (*safety net*) seperti gaji minimum RM 1,000, pencen, KWSP, PERKESO, insurans dan lain-lain.

kira 70%) orang Melayu yang

Disuorkan strategi

sama.

Pada tahun 2002 - 2010, syer pekerjaan baru tidak mahir ialah 8.0%. Ia meningkat kepada 16.0% bagi tempoh 2011 - 2015. Antara dua tempoh tersebut, syer pekerjaan baru mahir pula menurun dari 45.0% kepada 37.0%!

Yang demikian, tidak hairanlah apabila purata kadar pertumbuhan produktiviti buruh, menurut MPC, turut merosot dari 2.8% setahun bagi tempoh 2003 - 2009 kepada 2.3% bagi tempoh 2010 - 2015.

Dalam keadaan yang sedemikian, walaupun gaji tahunan meningkat tetapi ia masih lagi di tahap yang rendah. Sebagai contoh, pada tahun 2017, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, separuh daripada pekerja di Malaysia

graduan pula hanyalah 3.4% setahun dalam tempoh yang sama. Situasi ini mestilah dibetulkan segera.

Ketiga, buruh asing yang menimbulkan pelbagai angka hendaklah ditangani segera. Antaranya, menurut Bank Negara, setiap 10 pekerjaan baru yang diwujudkan, 8 daripadanya disambar oleh mereka pada tahun 2016. Apakah peluang yang tinggal untuk rakyat Malaysia?

Keempat, isu pelbagai jenis diskriminasi kaum yang berleluasa di sektor swasta juga menuntut tindakan segera. Banyak kajian telah dibuat mengenainya. Antara hasil kajian yang popular ialah *Discrimination of high degrees, race and graduate hiring in Malaysia* oleh Hwok Aun Lee

Oleh
AKBAR ALI



PADA 9 Mei 2018 terpacatlah sejarah getir tumbangnya kerajaan BN yang telah memerintah Malaysia hampir 61 tahun. Bersamanya tumbanglah kuasa politik Melayu yang ditunjangi oleh parti UMNO.

Lalu kita dengar tangisan dan sedu sedan yang diselang seli oleh jeritan kebangkitan Ketuanan Melayu. Kemudian kita dengar pula keinginan YB Datuk Seri Najib Tun Razak hendak menceritakan tentang legasi ekonominya yang tidak kesampaian di *Al Jazeera*

Apakah legasi ekonomi yang telah beliau tinggalkan itu?

Beliau tentulah ingin mengetengahkan semua kejayaan yang telah diterokainya sepanjang tempoh 2009 - 2018 ketika menerajui pentadbiran negara. Sebagai contoh pada tahun 2017, pertumbuhan ekonomi adalah tinggi iaitu 5.9 peratus (%) manakala kadar pengangguran dan kadar inflasi pula adalah rendah iaitu masing-masing 3.4% dan 3.7%.

Pendapatan rakyat dapat dijulang sebanyak 73%, daripada purata RM4,028 sebulan pada tahun 2009 kepada RM6,958 sebulan pada tahun 2016. Kadar kemiskinan pula dapat dikurangkan daripada 3.8% kepada hampir sifar (0.4%) dalam tempoh yang sama.

Dalam tempoh tersebut, secara makro, kedudukan orang Melayu nampaknya bertambah baik juga. Misalnya, purata pendapatan orang Melayu meningkat sebanyak 73%, daripada RM3,624 sebulan kepada RM6,267 sebulan manakala kadar kemiskinan pula menurun daripada 5.3% kepada 0.5% dalam tempoh yang sama.

Di peringkat mikro, terdapat kejayaan orang Melayu yang boleh dibanggakan. Ada yang jutawan dan ada beberapa orang lagi adalah bilionaire.

Najib dan Idris Jala memang terkenal suka memperagakan angka yang cantik-cantik saja seolah-olah semuanya menarik belaka dan tiada satu pun yang buruk.

Oleh itu eloklah juga dikongsikan *the other side of the coin*, khususnya mengenai kedudukan orang Melayu yang jarang mendapat perhatian serius.

Sebahagian besar (kira-

kira 70%) orang Melayu yang bekerja adalah bergantung hidup dengan makan gaji. Baki 30% adalah bekerja sendiri seperti menjadi petani dan nelayan serta bekerja dengan keluarga. Dalam kalangan bekerja sendiri itu pula, 70% adalah Melayu.

Di kalangan orang Melayu yang bekerja itu, hanya 3% sahaja yang menjadi majikan dan kira-kira 80% daripada mereka yang makan gaji pula adalah bukan dalam kalangan pengurusan dan profesional.

Keadaan demikian tidaklah menghairankan kerana dua pertiga daripada pekerja Melayu tidak mempunyai kemahiran/sepuluh mahir. Oleh itu sebahagian besar daripada pekerja am serta yang bergaji rendah dan tergolong dalam kumpulan B40 adalah orang Melayu.

Bagi orang Melayu yang berniaga, kira-kira 90% Perusahaan Kecil Melayu (PKS) sebenarnya mereka adalah bertaraf mikro. Dalam kalangan penganggur pula, 70% adalah Melayu.

Yang demikian, tidak hairanlah bahawa 9 daripada 10 orang miskin dalam rekod e-Kasih adalah orang Melayu.

Lalu *snapshots* atau pandangan mata burung seperti yang dilakarkan di Carta 1 itu mengesahkan mimpi ngeri Allahyarham Aminuddin Baki yang kini menjadi realiti iaitu nasib orang Melayu seumpama "itik di air mati kehausan, ayam di kepek mati kelaparan". Sah majoriti orang Melayu kini melarat dan merempat di tanah airnya sendiri! Inilah legasi Melayu merempat yang telah ditinggalkan oleh Najib!

Oleh itu, apakah strategi dan pelan tindakan atau *roadmap* yang perlu dirangka untuk mengangkat martabat dan maruah Melayu ini?

Disyorkan strategi serampang empat mata dilaksanakan segera untuk memulihkan kedudukan ekonomi orang Melayu. Diakui bahawa oleh kerana ruang di sini terhad maka keempat-empat strategi ini tidaklah dapat dihuraikan dengan mendalam.

Susun semula

Pertama, terlebih dahulu hendaklah dibetulkan dan disusun semula keseluruhan struktur ekonomi kerana masalah ekonomi orang Melayu berkait rapat dengan masalah ekonomi negara. Kerajaan hendaklah segera mengubah struktur ekonomi daripada *labour intensive, low-wage economy* kepada *high tech-capital intensive, high-wage economy* atau yang digelar IR4.0. Perubahan ini akan melonjakkan peluang pekerjaan bergaji tinggi untuk direbut oleh semua rakyat secara saksama

Sesungguhnya ekonomi kita berada dalam keadaan sakit tenat. Bukti pertama ialah kadar pertumbuhan pekerjaan tidak mahir terus meningkat manakala kadar pertumbuhan pekerjaan mahir terus menurun dalam tempoh yang sama.

Pada tahun 2006 - 2010, seperti yang dapat dilihat di Carta 2, purata kadar pertumbuhan pekerjaan tidak mahir ialah 5.3% setahun. Ia meningkat kepada 7.0% setahun bagi tempoh 2011 - 2015. Antara dua tempoh tersebut, kadar pertumbuhan pekerjaan mahir pula menurun 50%, dari 5.2% setahun kepada 2.6% setahun!

Berkaitan dengannya, bukti kedua ialah syer pekerjaan baru tidak mahir melonjak manakala syer pekerjaan baru mahir pula merosot dalam tempoh yang

daripada pekerja di Malaysia mendapat gaji bawah RM2,160 sebulan manakala separuh daripada pekerja tidak mahir pula mendapat gaji bawah RM1,200 sebulan. Untuk seseorang hidup sedikit selesa di Kuala Lumpur, menurut Bank Negara, ia memerlukan *living wage* sebanyak RM2,700 sebulan.

Strategi kedua ialah membasmi rasuah. Rasuah di Malaysia sudah menjadi barah. Kedudukan (*ranking*) kita, berdasarkan Corruption Perception Index, telah menjunam dari tangga ke 37 pada tahun 2003 ke tangga 62 pada tahun lalu. Skor pula menurun dari 52 mata pada tahun 2014 kepada 47 mata pada tahun 2017.

Seperti yang diakui oleh Transparency International dan IMF, terbukti rasuah boleh merosakkan ekonomi dan melebarkan jurang kekayaan. Yang demikian ia melaratkan rakyat, khususnya golongan B40 dan orang miskin yang mana majoritinya ialah orang Melayu.

Strategi ketiga ialah membetulkan dan memperbaiki pasaran buruh kerana sebahagian besar orang Melayu bekerja makan gaji. Pertama sekali yang perlu dibetulkan, seperti yang telah diterangkan di atas, ialah menukar paradigma iaitu mengeluarkan lebih banyak pekerjaan mahir berbanding tidak mahir. Yang demikian, produktiviti buruh boleh meningkat dan gaji pun turut melompat.

Kedua, membetulkan masalah penawaran dan permintaan yang tidak sepadan. Contohnya, bagi tempoh 2001 - 2014, pertumbuhan bilangan graduan adalah sebanyak 9.2% setahun manakala pertumbuhan pekerjaan yang setaraf dengan

Malaysia oleh Hwok Aun Lee & Muhammed Abdul Khalid. Kajian ini menunjukkan graduan Melayu mengalami diskriminasi yang sangat buruk dan teruk.

Diskriminasi tersebut nampaknya mendapat perhatian kerajaan sekarang. Amatlah dihargai bahawa kerajaan kini telah memberikan komitmen akan "melarang sama sekali amalan diskriminasi oleh pihak majikan", seperti yang terpahat di Para 84, Ucapan Belanjawan 2019. Namun kita perlulah pastikan bahawa apa yang tersirat bukanlah untuk menyerang kerajaan sebagai majikan. Sesungguhnya, yang menuntut tidakkan segera dan tegas ialah majikan di sektor swasta.

Strategi keempat ialah melonjakkan penyertaan orang Melayu dalam bidang perniagaan atau bekerja sendiri kerana peluang meraih kekayaan adalah lebih besar dan luas di sektor bukan makar gaji. Pelaksanaan strategi ini menuntut satu raga pelan tindakan yang tersendiri dan holistik. Ia merangkumi, antara lain, keperluan mengkaji dan membetulkan *mindset* serta budaya orang Melayu, merangka campuran dasar (*policy mix*) yang betul, menjana pertumbuhan ekonomi yang saksama, berkongsi kemakmuran, membangunkan kapasiti, menyediakan peluang akses kepada modal dan pasaran serta peluang menyertai rantaian penawaran.

Jika dilaksanakan empat strategi di atas, insya-Allah, Melayu yang kini melarat dan merempat akan terselamat.

■ PENULIS ialah Pakar Perunding Ekonomi.